



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**ANAK DEWASA KEMBALI MENETAP BERSAMA IBU BAPA  
SEMASA PANDEMIK COVID 19: SATU CABARAN DALAM  
KEHIDUPAN IBU BAPA**

*ADULT CHILDREN MOVING IN WITH PARENTS DURING PANDEMIC COVID  
19: A CHALLENGE IN PARENTS LIFE*

Noor 'Aza Ahmad<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> School of Law, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia

Email: nooraza@uum.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 09.11.2020

Revised date: 15.11.2020

Accepted date: 10.12.2020

Published date: 31.12.2020

**To cite this document:**

Ahmad, N. A. (2020). Anak Dewasa Kembali Menetap Bersama Ibu Bapa Semasa Pandemi Covid 19: Satu Cabaran Dalam Kehidupan Ibu Bapa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (21), 210-219.

DOI: 10.35631/IJLGC.5210016.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Wabak korona virus atau Covid 19 telah menyebabkan mereka yang bekerja, belajar dan membina kehidupan sendiri sebelumnya, terjejas. Ramai pekerja, kebanyakannya orang muda menjadi penganggur. Sekarang ini, orang muda atau anak-anak yang dewasa dengan mudahnya kembali tinggal bersama ibu bapa mereka. Dengan kata lain, anak-anak yang dewasa dan / atau cucu-cucu ini tinggal bersama-sama dengan ahli keluarga mereka, biasanya dengan ibu bapa atau datuk nenek mereka yang tua atau bahkan ahli keluarga mereka. Makalah ini bertujuan untuk membincangkan kewajipan dan hak pihak-pihak yang terlibat dalam hal Undang-undang Keluarga di Malaysia. Makalah ini menggunakan metod perustakaan, selain untuk menganalisis peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan hal-hal Undang-Undang Keluarga dan juga dengan melihat kes-kes yang dilaporkan terkait dengan hal-hal di atas. Akhirnya, makalah ini membincangkan tindakan dan cadangan pihak-pihak yang terlibat untuk menghadapi cabaran untuk tetap bersama semasa pandemik Covid 19.

**Kata Kunci:**

Anak-Anak Dewasa, Ibu Bapa, Kembali Menetap, Pandemi Covid-19, Undang-Undang Keluarga

**Abstract:**

Due to the pandemic of coronavirus or Covid 19, those who were working, studying, and building lives on their own before, are affected. Many employees, mostly young people becoming jobless. Now, it is a great deal of

these young people or adult children to go back to live with their parents. In other words, these adult children and/or grandchildren have to stay together with their family members, normally with their elderly parents or grandparents or even extended family members. This paper seeks to discuss the obligation and rights of the parties involved as regards Family Law in Malaysia. This paper uses the library study method, in addition, to analyse the provisions related to Family Law matters, and also by looking at reported cases related to the abovementioned matters. Finally, this paper discusses the actions and recommendations of the said parties involved in order to cope with the challenges of staying together during the pandemic of Covid 19.

**Keywords:**

Adult Children, Parents, Moving In, Pandemic Covid 19, Family Law

### **Pengenalan**

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada 12 Mac 2020 telah mengeluarkan satu pengisytiharan bahawa penularan 'Novel Corona' virus (Covid-19) di seluruh dunia sebagai pandemik (Berita RTM, 2020). Pengisytiharan tersebut telah dibuat oleh Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), Tedros Adhanom Ghebreyesus di Geneva, Switzerland dengan menegaskan bahawa penularan dan keadaan wabak itu yang teruk adalah sangat membimbangkan. Sewaktu 'pandemik Covid-19' diisytiharkan, virus berkenaan telah menjangkiti lebih 118,000 orang di 114 negara dan meragut 4,291 nyawa, serta dijangkakan angka terbabit akan terus meningkat (WHO, 2020).

Secara umumnya, 'pandemik' bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas merentasi sempadan, malah hingga ke seluruh dunia. Dalam kata lain, pandemik merupakan kejadian wabak secara besar-besaran ke seluruh dunia, merentasi wilayah serta melibatkan populasi yang besar dengan kadar serangan virus yang tinggi. Sebaran virusnya adalah dalam masa yang singkat dan pantas serta menyebabkan kadar kematian yang tinggi (KKM, 2020).

Penularan virus ini bermula, apabila Suruhanjaya Kesihatan Perbandaran Wuhan, China, telah melaporkan pada 31 Disember 2019 kepada Pertubuhan Kesihatan Dunia, bahawa berlakunya satu kluster kes radang paru-paru di Wuhan, Wilayah Hubei, Republik China dan ianya dikenalpasti sebagai virus 'Novel Corona' (Covid-19) (WHO Timeline, 2020). Virus 'Novel Corona' atau 'Novel Coronavirus' yang kini dirujuk sebagai Covid-19 adalah salah satu famili virus yang lazimnya menjangkiti saluran pernafasan tetapi spesies ini belum pernah ditemui oleh manusia. Manakala jangkitan Covid-19 ini boleh memberi komplikasi yang teruk kepada golongan yang lemah imunisasi badan sehingga menyebabkan kematian (KKM Penerangan, 2020). Justeru, apabila Covid-19 mulai menjangkiti negara seluruh dunia beberapa kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan dalam membendung penularan Covid-19 dalam negara mereka, umpamanya dengan menutup pintu sempadan.

### **Pendekatan di Malaysia**

Penularan Covid-19 ini juga mula menjangkiti rakyat Malaysia dan disebabkan itu pihak kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan dalam membendung penularan Covid-19 dalam negara. Ianya bermula pada 18 Mac 2020, apabila kerajaan mula memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 31 Mac 2020 dengan menutup semua pintu sempadan serta semua lapangan terbang antarabangsa.

Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, orang ramai dinasihatkan supaya berada di rumah sepanjang masa kecuali untuk memenuhi keperluan-keperluan asas. Selain itu, bagi meningkatkan lagi keberkesanan Perintah Kawalan Pergerakan itu, rakyat dinasihatkan untuk mengamalkan penjarakan sosial (social distancing) dari orang sekeliling, kerap membasuh tangan atau menggunakan cecair pembasmi kuman serta memakai 'face mask' atau pelitup separuh muka demi mengelakkan jangkitan Covid-19. Sehubungan itu, orang ramai diminta untuk mematuhi semua peraturan yang telah diputuskan oleh pihak berkuasa selaras dengan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 dan diwartakan pada 18 Mac 2020. Berdasarkan Seksyen 3 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) pegawai Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan pegawai di Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilantik sebagai pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini (MKN, 2020).

Susulan wabak Covid-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan sebanyak 3 Fasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2 serta diikuti dengan Fasa 3 sebagai fasa pemulihan. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), ini adalah bertujuan untuk mengurangkan serta mengawal jumlah kes jangkitan dan melandaikan lengkungan kebolehjangkitan penyakit Covid-19 (AstroAwani, 2020). Sepanjang fasa 1 Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula 18 Mac 2020, semua pejabat kerajaan dan premis swasta diarahkan ditutup kecuali bagi perkhidmatan penting sahaja. Perkhidmatan penting yang akan terus beroperasi sepanjang perintah kawalan pergerakan ini adalah air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang (domestik), keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan (Zikri Kamarulazamn, 2020).

Selepas tamatnya 3 fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi membolehkan sebahagian sektor ekonomi dan sosial dibuka semula. Di samping itu, dilaksanakan juga Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara Pentadbiran serta Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) khususnya di kawasan zon merah (Rafidah Mat Ruzki, 2020). Perbezaan di antara kedua-dua PKPD ini adalah bagi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan secara Pentadbiran, penduduk di kawasan tersebut dibenarkan keluar dan masuk dengan pemeriksaan kesihatan (Astro Awani, 2020). Manakala bagi penduduk yang berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan iaitu di zon merah, mereka tidak dibenarkan keluar dari kawasan tersebut sama sekali. Ini adalah bertujuan untuk membendung pergerakan penduduk di situ serta memastikan Covid-19 tidak menular secara meluas lagi (Nor Azizah Mokhtar dan Faris Fuad, 2020).

### **Kesan Covid-19 di Malaysia**

Walaupun pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini berjaya mengurangkan kes Covid-19 atau mengekang penularan wabak Covid-19, namun sektor swasta atau sektor perniagaan telah menghadapi masalah. Ini dapat dilihat apabila berlakunya pemberhentian pekerja dan pengurangan atau pemotongan gaji atau upah pekerja akibat dari ketiadaan pendapatan perniagaan. Umpamanya, penularan Covid-19 ini telah memberi kesan terhadap pekerja industri pelancongan dan penerbangan sehingga ramai yang terpaksa mengambil cuti tanpa gaji (Zikri Kamarulazamn, 2020). Selain itu, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) juga menjangkakan krisis Covid-19 ini akan meningkatkan kadar pengangguran terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Berdasarkan kajian Pertubuhan Buruh Antarabangsa, dalam 3.3 billion

tenaga kerja di peringkat global, empat daripada lima orang pekerja terjejas akibat penutupan premis sama ada separa atau sepenuhnya (Rabeatul Husna Abdull Rahman, 2020).

Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia termasuklah Malaysia merupakan krisis kesihatan yang mengancam kelangsungan dan kesejahteraan hidup masyarakat serta ramai yang sangat terkesan dengan penularan ini. Impak daripada pandemik Covid-19 ini bukan sahaja tertumpu kepada ekonomi negara malahan ia juga memberi kesan kepada aspek sosial penduduk. Penduduk didapati mengalami perubahan gaya hidup harian berbanding kehidupan sebelumnya seperti pekerjaan yang boleh menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan pendidikan kesihatan keselamatan kebajikan aktiviti keagamaan dan hubungan sosial. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) apabila bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan, terdapat beberapa kesan dari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan terutamanya bagi sektor pekerjaan dan perniagaan. Umpamanya, ramai penduduk akan hilang pekerjaan dan sumber pendapatan, permintaan dan jualan berkurang daripada pemborong dan peniaga, gangguan semasa bekerja, perniagaan atau premis terpaksa ditutup serta berlakunya pemotongan gaji (Rozita Talha, 2020). Di samping itu, turut dilaporkan bahawa mereka yang terlibat dalam sektor perkhidmatan, khususnya perkhidmatan makanan dan minuman merekodkan kadar peratusan tertinggi bagi kehilangan pekerjaan (35.4%), diikuti sektor pertanian (21.9%) dan sektor pembinaan (11.8%) (Rabeatul Husna Abdull Rahman, 2020).

Kajian daripada Jabatan Perangkaan Malaysia juga mendapati golongan bekerja sendiri, iaitu usahawan mikro adalah golongan paling terjejas dan terdedah kepada kehilangan pekerjaan dan mengalami penurunan pendapatan sehingga 94.8 peratus (DOSM, 2020). Selain dari peningkatan kadar pengangguran, penularan Covid-19 yang kemudiannya disertai dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan juga telah memberi kesan secara tidak langsung kepada corak perbelanjaan isi rumah di seluruh negara. Di samping itu, kajian Jabatan Perangkaan juga mendapati, purata perbelanjaan isi rumah, termasuk perbelanjaan kewangan, menurun sebanyak RM3,504 atau 55% berbanding perbelanjaan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan. Ini dapat dilihat purata apabila perbelanjaan isi rumah yang sebelum Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak RM6,317 sebulan tetapi kini telah jatuh kepada RM2,813. Antara kategori utama yang mencatatkan penurunan terbesar adalah pakaian dan kasut (95%); pengangkutan (89%); restoran dan hotel (86%); dan hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (72%). Selain itu, antara kategori lain yang turut terkesan adalah perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (71%); minuman alkohol dan tembakau (65%); dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (58%) (Nailah Huda, 2020).

Pandemik Covid-19 yang melanda ini telah mengakibatkan berlakunya krisis pekerjaan di Malaysia. Justeru, kebanyakan mereka yang diberhentikan kerja atau menghadapi masalah kewangan atau masalah penjagaan anak telah mengambil tindakan untuk pulang ke kampung yakni kembali menetap bersama ibu bapa. Kebanyakan pekerja-pekerja ini terdiri daripada mereka yang telah dewasa iaitu berdasarkan seksyen 2 Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) bagi mereka yang berumur melebihi 18 tahun. Walaupun mereka ini, yang boleh dikategorikan sebagai anak-anak yang dewasa, sama ada telah berkeluarga ataupun masih bujang, selepas diberhentikan kerja mereka telah kembali ke kampung memandangkan tiada punca pendapatan serta hutang yang perlu diselesaikan (Intrend, 2020), dan mereka juga sanggup berjalan kaki untuk balik kampung gara-gara tiada kewangan yang cukup sebagai tambang (Nor Fazlina Abdul Rahim, 2020). Menurut Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran di Malaysia

diunjurkan dalam lingkungan 3.5% hingga 5.5% tahun ini berikutan impak penularan pandemik Covid-19 (Bernama, 2020).

Bagi sektor perniagaan, majikan yang terhimpit dan tersepit, tidak punya pilihan, kecuali mengambil langkah drastik. Umpamanya, pekerja akan berdepan dengan pemotongan dan penurunan bonus, selain gaji dikurangkan (Shahrizan Salian, 2020). Sekiranya langkah tersebut tidak berjaya, maka majikan terpaksa menutup syarikat. Salah satu cara lagi ialah dengan memberhentikan sebahagian pekerja, sebagai jalan terakhir walaupun sukar dan pahit kerana majikan tidak dapat terus menanggung kerugian. Dengan kata lain, kehilangan pekerjaan adalah suatu mimpi ngeri bagi pekerja. Pekerjaan bukan sekadar memastikan wang masuk ke dalam bank setiap bulan dan terdapat makanan di rumah setiap hari. Sebaliknya, memiliki pekerjaan ada kaitan dengan maruah diri. Seseorang yang hilang pekerjaan bagai hilang harga diri (Jeniri Amir, 2020).

Namun begitu, perlu dilihat juga kesan yang akan dialami oleh ibu bapa dengan tindakan anak-anak dewasa ini. Sekiranya anak mereka telah berkeluarga, tanpa pendapatan kembali menetap bersama mereka (ibu bapa) yang telah berusia dan besar kemungkinan akan adanya cucu-cucu yang kembali menetap bersama datuk nenek dan/atau ibu bapa mereka berbanding dengan anak mereka yang masih bujang. Persoalannya, apakah ibu bapa yang berusia boleh berbuat sesuatu terhadap tindakan anak-anak mereka ini? Perlukah ibu bapa mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan mereka demi mendapat kehidupan yang terbaik di akhir usia?

### **Implikasi Kepada Ibu Bapa**

Penularan Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan juga telah memberi kesan kepada golongan ibu bapa yang berusia. Apabila diisytiharkan penyebaran Covid-19 sebagai pandemik, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat pemakluman bahawa golongan warga emas adalah kumpulan berisiko tinggi untuk mendapat komplikasi dan kematian akibat jangkitan Covid-19 kerana faktor umur dan juga penyakit kronik yang mereka hidapi. Warga emas didapati agak terjejas dengan wabak Covid-19 di mana terdapat banyak kes jangkitan dan kematian berkaitan Covid-19 di kalangan kumpulan umur 60 tahun ke atas. Ini merupakan satu isu global yang dihadapi oleh negara-negara yang terjejas dengan wabak ini, termasuklah Malaysia (Noor Hisham Abdullah, 2020).

Di samping itu, pandemik Covid-19 juga telah memberi impak kepada kesihatan mental warga emas, yakni termasuk ibu bapa yang berusia. Ini dapat dilihat apabila terdapatnya laporan kemurungan yang lebih tinggi dan kesunyian yang lebih besar serta masalah kesihatan yang di alami oleh warga emas berikutan bermulanya wabak tersebut (Anne C. Krendl, & Brea L. Perry, 2020). Justeru, pandemik Covid-19 telah memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan sosial dalam kehidupan orang-orang dewasa, terutamanya mereka yang lebih berusia.

Walau bagaimanapun, sekiranya dibuat perbandingan antara kesihatan mental warga emas dengan orang dewasa yang lebih muda, didapati bahawa warga emas lebih positif dalam kehidupannya. Ini dapat dilihat daripada kajian yang dibuat, jelas menunjukkan bahawa terutamanya orang dewasa yang lebih muda merupakan kumpulan yang mudah terdedah untuk mengalami kemurungan dan kegelisahan kerana tindakan kawalan pergerakan akibat pandemik Covid-19 (Pierce et al., 2020). Selain itu, situasi untuk tinggal di rumah sahaja dalam jangka masa yang lama kemungkinan turut memberi sumbangan besar kepada penurunan kesihatan mental orang dewasa yang lebih muda (Christoph Benke et al., 2020). Oleh yang demikian,

dalam hal ini patutkah anak-anak yang dewasa sekeluarga iaitu bersama-sama dengan anak-anak mereka yang masih kecil, sama ada belum bersekolah atau berada di bangku sekolah kembali menetap bersama-sama dengan ibu bapa yang berusia?

### **Cabaran Kepada Ibu Bapa**

Pepatah Melayu ada mengatakan “Kasih ibu membawa ke syurga, kasih ayah sepanjang masa”. Secara umumnya, seseorang ibu bapa itu sanggup berkorban demi kelangsungan hidup anak-anak mereka. Kesanggupan berkorban nyawa, masa, tenaga dan wang dalam membesarkan anak tersayang, penat lelah ditolak ke tepi asalkan anak dapat membesar dengan sebaiknya. Terdapat beberapa pendapat daripada pakar motivasi serta pakar psikologi dan kaunselor mengenai emosi ibu bapa yang telah berusia. Umpamanya, Dr HM Tuah Iskandar berpendapat bahawa ibu bapa berusia merupakan golongan yang agak sensitif (Siti Nadirah Hafidzin, 2018). Hal ini turut diakui oleh Pegawai Psikologi dan Kaunselor Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Rasidah Sulaiman dengan menyatakan bahawa ibu bapa berusia mudah berkecil hati dengan anak-anak yang sudah dewasa tanpa disedari oleh anak-anak tadi (Intan Mas Ayu Shahimi, 2019).

Namun begitu, dari segi perundangan ibu bapa tidak mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan tempat tinggal untuk anak-anak yang umurnya melebihi had umur dewasa iaitu 18 tahun atau masih mengikuti pelajaran atau latihan lanjut. Ini jelas terkandung dalam peruntukan-peruntukan di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 @ Akta 303 serta peruntukan Enakmen-enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri, yang terpakai untuk orang-orang Islam di Malaysia. Berdasarkan seksyen 72 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan bahawa adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki yakni bapa untuk menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandangkan kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya, dan Mahkamah Syariah telah diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah ini. Dalam hal ini, penyediaan tempat tinggal kepada anak yang belum cukup umur merupakan kewajipan nafkah.

Manakala bagi tempoh nafkah, perintah hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur lapan belas tahun, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan oleh anak itu atau oleh seseorang lain, melanjutkan perintah nafkah itu supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya munasabah, bagi membolehkan anak itu mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi sepertimana peruntukan seksyen 79 Akta yang sama. Selain itu, terdapat beberapa pengecualiaan di bawah seksyen 79 ini, iaitu; —

- (a) jika sesuatu perintah mengenai nafkah seseorang anak dinyatakan sebagai selama tempoh yang lebih singkat; atau
- (b) jika sesuatu perintah itu telah dibatalkan; atau
- (c) jika sesuatu perintah itu dibuat untuk—
  - (i) seseorang anak perempuan yang belum berkahwin atau yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya dari segi mental atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya;
  - (ii) seorang anak lelaki yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya dari segi mental atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya,

Kebiasaannya, ibu bapa berusia ini tidak lagi bekerja dan hanya bergantung kepada wang simpanan atau wang pesaraan sebagai sara hidup. Justeru, adalah menjadi bebanan kewangan

kepada ibu bapa ini sekiranya anak-anak dewasa, tanpa pendapatan, bersama-sama keluarga kembali menetap bersama mereka. Maka tidaklah menjadi pertikaian sekiranya ibu bapa enggan untuk membenarkan anak-anak dewasa yang telah berkeluarga tinggal bersama mereka memandangkan tidak lagi menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk berbuat demikian.

Sebagaimana ibu bapa beragama Islam, ibu bapa yang bukan beragama Islam juga mempunyai kewajipan nafkah dari segi perundangan. Ini jelas terdapat beberapa peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 @ Akta 164 yang menerangkan kewajipan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak. Berdasarkan seksyen 92 Akta 164 kewajipan untuk menanggung anak adalah terletak ke atas seseorang ibu atau bapa untuk menanggung atau menyumbang terhadap nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam penjagaannya atau dalam penjagaan mana-mana orang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka sesuatu tempat tinggal, pakaian, makanan dan pendidikan sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira kepada kemampuannya dan kedudukannya dalam kehidupan atau dengan membayar kosnya.

Berkaitan dengan tempoh kewajipan nafkah, yang juga termasuk menyediakan tempat tinggal, adalah dengan merujuk kepada peruntukan di bawah seksyen 95 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Tempoh perintah kewajipan nafkah bagi seseorang anak hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur lapan belas tahun, kecuali jika anak itu dalam keadaan hilang upaya dari segi jasmani atau mental, atau sedang mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi. Perintah itu hendaklah tamat apabila keadaan hilang upaya itu terhenti, atau tidak lagi berada dalam keadaan hilang upaya itu atau selesai pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi itu mengikut mana-mana yang terkemudian.

Namun begitu, sekiranya ibu bapa membenarkan anak-anak dewasa mereka, sama ada masih bujang mahupun telah berkeluarga kembali menetap bersama-sama mereka akibat dari pandemik Covid-19, ibu bapa masih lagi boleh membuat tuntutan terhadap anak-anak itu dari segi perundangan apabila berlakunya sesuatu pertikaian atau dibebani masalah kewangan. Umpamanya, keengganan anak-anak dewasa, selepas mempunyai pendapatan, untuk menyumbang kepada perbelanjaan tempat tinggal bersama mereka. Selain itu kemungkinan tiada sumbangan wang saraan atau nafkah untuk anak-anak mereka apabila ditinggalkan untuk dijaga oleh nenek mahupun datuk. Anak-anak ditinggalkan bersama nenek ataupun datuk atas alasan ibu atau bapa mencari pekerjaan, pergi bekerja ataupun menyambung pelajaran. Hal ini telah menyebabkan segala beban penjagaan anak-anak tersebut terletak kepada nenek mahupun datuk mereka. Keadaan menjadi lebih parah apabila nenek mahupun datuk yang telah tua tersebut terpaksa menanggung segala perbelanjaan bagi membesarkan anak-anak berkenaan, yakni cucu mereka (Khadijah Alavi et al., 2016).

Berdasarkan peruntukan seksyen 73 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, (1) mahkamah boleh memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah untuk kanak-kanak iaitu anaknya—

- (a) jika dia telah enggan atau cuai mengadakan peruntukan dengan munasabah bagi anaknya itu;
- (b) jika dia telah meninggalkan langsung anaknya itu adalah dalam jagaan isterinya;
- (c) dalam masa menanti keputusan sesuatu prosiding hal ehwal suami isteri; atau
- (d) apabila membuat atau selepas daripada membuat suatu perintah meletakkan anak itu dalam jagaan seseorang lain.

Sekiranya kanak-kanak berkenaan berada dalam jagaan orang lain, maka mahkamah boleh di bawah subseksyen (3) mengarahkan supaya pembayaran dibuat kepada orang yang menjaga atau memelihara dan mengawal anak itu atau kepada pemegang amanah bagi anak itu, dan subseksyen (2) memerintahkan seseorang yang bertanggung di bawah Hukum Syarak supaya membayar atau memberi sumbangan terhadap nafkah seseorang anak jika mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada kemampuannya adalah munasabah bagi mahkamah memerintahkan sedemikian.

Selain itu, peruntukan di bawah seksyen 60 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 membolehkan ibu bapa beragama Islam membuat tuntutan nafkah terhadap anak-anak dewasa mereka. Dalam hal ini, Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk memerintahkan mana-mana orang yang bertanggung tentang hal itu mengikut Hukum Syarak, supaya membayar nafkah kepada seorang lain jika dia tidak berupaya, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada mencari pendapatan oleh sebab kerosakan otak atau jasmani atau tidak sihat, dan jika Mahkamah berpuas hati memandang kepada kemampuan orang yang pertama tersebut itu adalah munasabah, maka boleh memerintahkan sedemikian.

Ini dapat dilihat dalam beberapa kes yang berkaitan dengan perkara di atas telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Umpamanya dalam kes: *Roslaili binti Abd. Ghani dan Maznah binti Abd. Ghani lwn. Ahmad Azman bin Yaacob* (2006) JH 2, di mana pihak Mahkamah Syariah telah memerintahkan defendan iaitu seorang bapa dalam kes ini untuk menanggung saraan anak-anaknya. Wang saraan atau sumbangan wang belanja ini termasuklah perbelanjaan tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran bagi kehidupan anak-anaknya meskipun kanak-kanak terbabit menetap bersama ibu saudara mereka, iaitu pemohon atau plaintif kedua.

Di samping itu, terdapat juga kes berkaitan tuntutan perbelanjaan saraan ibu bapa. Ini dapat dilihat dalam keputusan kes *Raja Kassim bin Othman dan Fatimah binti Salleh lwn. Raja Suzana Kassim dan Zul Azli Bin Hashim* (2010) JH 30. Dalam kes ini, Mahkamah Syariah telah memerintahkan defendan pertama iaitu seorang anak dewasa yang juga anak kandung kedua-dua plaintif, untuk menanggung nafkah atau wang saraan yang mencukupi untuk keperluan ibu bapanya, iaitu plaintif-plaintif dalam kes ini yang juga merupakan pasangan warga emas.

Manakala bagi ibu bapa bukan Islam yakni datuk nenek, tuntutan nafkah bagi kanak-kanak atau cucu mereka yang dalam jagaan mereka boleh dibuat terhadap anak dewasa mereka yang juga ibu bapa kanak-kanak berkenaan. Peruntukan seksyen 93 (1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan seseorang lelaki untuk membayar nafkah untuk faedah anaknya—

- (a) jika dia telah enggan atau secara munasabahnya abai untuk mengadakan peruntukan bagi anak itu;
- (b) jika dia telah meninggal langsung dan anak itu berada dalam jagaan isterinya;
- (c) dalam masa menunggu penyelesaian apa-apa prosiding perkahwinan; atau
- (d) apabila membuat atau selepas daripada membuat sesuatu perintah meletakkan anak itu dalam penjagaan mana-mana orang lain.

Berdasarkan peruntukan seksyen 93 (2) Akta yang sama, mahkamah juga mempunyai kuasa untuk memerintahkan seseorang perempuan membayar atau menyumbang terhadap nafkah anaknya jika mahkamah berpuas hati bahawa dengan mengambil kira kepada kemampuan perempuan itu adalah munasabah untuk memerintahkan sedemikian. Subseksyen (3)



memperuntukkan bahawa mahkamah boleh mengarahkan supaya pembayaran dibuat kepada orang yang mempunyai penjagaan atau pemeliharaan dan pengawalan anak itu atau kepada pemegang amanah bagi anak itu.

### Kesimpulan

Oleh yang demikian, sekiranya berlaku keengganan anak-anak dewasa untuk menyumbang wang bagi perbelanjaan tempat kediaman sama ada untuk anak-anak mereka yang tinggal bersama datuk nenek ataupun perbelanjaan ibu bapa mereka sendiri, maka tuntutan boleh dibuat oleh ibu bapa beragama Islam di Mahkamah Syariah sepertimana terkandung dalam peruntukan-peruntukan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Akan tetapi bagi ibu bapa bukan beragama Islam, tuntutan boleh dibuat hanya untuk perbelanjaan kanak-kanak atau cucu yang di bawah jagaan mereka sahaja. Ini adalah kerana tidak terdapat peruntukan dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 yang membolehkan mereka menuntut wang perbelanjaan bagi diri sendiri terhadap anak dewasa mereka, maka dicadangkan supaya dipinda Akta 164 ini bagi memasukkan peruntukan sepertimana seksyen 60 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Justeru, dapat dikatakan bahawa situasi ini menjadi satu cabaran dalam kehidupan ibu bapa yang mempunyai anak-anak dewasa yang sebegini. Selain itu, ibu bapa yang berusia ini terpaksa menjaga diri sendiri dari dijangkiti wabak Covid-19 memandangkan mereka dikategorikan sebagai golongan berisiko.

### Rujukan

- Anne C. Krendl, & Brea L. Perry, (2020). The Impact of Sheltering in Place During the COVID-19 Pandemic on Older Adults' Social and Mental Well-Being. *J Gerontol B Psychol Sci Soc Sci*, 2020, Vol. XX, No. XX, 1–6. doi:10.1093/geronb/gbaa110, Access publication August 11, 2020.
- AstroAwani, (2020). PKP Fasa 1, 2 membuah hasil namun Fasa 3 sangat penting. <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia>>
- Astro Awani, (2020). Perbezaan PKPD dan PKPD Pentadbiran. <<https://www.astroawani.com>>
- Berita RTM (2020). WHO isytihar Covid-19 sebagai pandemik. <<https://berita.rtm.gov.my>>
- Bernama, (2020). Kadar pengangguran meningkat akibat Covid-19. 14 Mei 2020, <<https://www.hmetro.com.my>>
- Christoph Benke, Lara K. Autenrieth, Eva Asselmann & Christiane A. Pané-Farré, (2020).
- Intan Mas Ayu Shahimi, (2019). Kemelut emosi ibu bapa, anak. 18 Jan 2019, <<https://www.hmetro.com.my>>
- Intrend, (2020). Ada Yang Balik Kampung Kerana Diberhentikan Kerja. <<https://gempak.com/intrend/artikel>>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2020). Ringkasan Liputan Berita Mutakhir Wabak COVID-19 Dan Kesan Kepada Ekonomi. <[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)>
- Jeniri Amir, (2020). Hilang pekerjaan, hilang pendapatan. 11 Mei 2020, <<https://sarawakvoice.com>>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (2020). Endemik, Epidemik dan Pandemik. <<https://moh.gov.my>>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH Penerangan) (2020). Jabatan Penerangan – Apa itu COVID-19. <<https://www.penerangan.gov.my>>

- Khadijah Alavi, Doris Dagang & Jamiyah Manap (2016). Datuk Nenek Menjaga Cucu: Faktor Penyumbang dan Cabaran Penjagaan. *Journal of Social Sciences & Humanities*, Vol. 11, No. 1 (2016) 125-136.
- MKN, 2020. Kenyataan Media MKN: Perincian Perintah Kawalan Pergerakan. <<https://www.pmo.gov.my>>
- Nailah Huda, (2020). Perbelanjaan isi rumah turun 55 peratus sejak PKP – Kajian. <<https://www.astroawani.com>>
- Nor Azizah Mokhtar dan Faris Fuad, (2020). COVID-19: Zon Merah wajar kena perintah 'berkurung' PKPD. <<https://www.bharian.com.my>>
- Nor Fazlina Abdul Rahim, (2020). Gara-gara hilang pekerjaan, lelaki jalan kaki balik kampung. <<https://www.bharian.com.my>>
- Noor Hisham Abdullah, (2020). Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) Di Malaysia. 03 Mei 2020, <<https://kpkesihatan.com/2020/05/03/kenyataan-akhbar>>
- Pierce, M., Hope, H., Ford, T., Hatch, S., Hotopf, M., John, A., ... Abel, K. M. (2020). Mental health before and during the COVID-19 pandemic: A longitudinal probability sample survey of the UK population. *The Lancet Psychiatry*. Advance online publication. [https://doi.org/10.1016/S2215-0366\(20\)30308-4](https://doi.org/10.1016/S2215-0366(20)30308-4)
- Rabeatul Husna Abdull Rahman, (2020). Kesan COVID-19 ke atas pekerja dan majikan. <<https://www.astroawani.com>>
- Rafidah Mat Ruzki, Rohaniza Idris; Mohd Iskandar Ibrahim; Mohd Nasaruddin Parzi; Farah Mashita Ibrahim dan Muhammad Yusri Muzamir, (2020). Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat mulai 4 Mei. <<https://www.bharian.com.my>>
- Rozita Talha (2020). Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan kepada Penduduk Malaysia. Jabatan Perangkaan Malaysia. <[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)> DOSM/BPPD/ 1 .2020 /Siri 17.
- Shahrizan Salian, (2020). Gaji pekerja di Malaysia semakin kurang pasca COVID-19. 24 Jun 2020, <<https://www.bharian.com.my>>
- Siti Nadirah Hafidzin, (2018). Gembirakanlah ibu bapa. 02 Nov. 2018, <<https://www.hmetro.com.my>>
- WHO, Berita Harian (2020). WHO isytihar wabak COVID-19 pandemik. <<https://www.bharian.com.my>>
- WHO Timeline, 2020. COVID-19. <<https://www.who.int/news/>>.
- Zikri Kamarulazamn, (2020). Covid-19: Apa akan jadi pada golongan pekerja mulai esok? <<https://www.malaysiakini.com>>

### **Akta**

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).

Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21).

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).